

Berita@Asas '50


isu pertama
31hb March 2006



Persembahan gah Sekolah Menengah West Spring

Sambutan 55 Tahun Asas '50 : Mengenang 55 Tahun Dalam Persuratan

Masuri S.N : Pemergian Seorang Ikon Bangsa dan Negara



Sayembara Noktah Putih : Menyuntik Kesegaran Dalam Dunia Kesusasteraan Singapura

Sidang Redaksi

Penasihat

Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz

Ketua Editor

Muhammad Irwan Bin Jamal

Editor Kanan

Hoirull Amri Bin Tahiran

Pengarah Artistik

Siti Nur Akashah Binte Mustaffa

Nur' Lelah Binte Asfee

Penyumbang

Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz

Muhammad Irwan Bin Jamal

Hoirull Amri Bin Tahiran

Siti Nur Akashah Binte Mustaffa

Nur' Lelah Binte Asfee

Muhammad Dzul Azhan Bin Sahban

Nurfirdawati Iryani Binte Abdullah

Mahirah Binte Mohd Thoimi

Arni Binte Johan

Mohd Ali Bin Mohd Iqbal

Muhd Firdaus Bin Amir

Fariz Husna Bin Sajani

Kandungan

3 Kata Editor/Penasihat

4 Mesej Ketua 1

5 Rancangan Asas '50 Bagi Tahun 2006

6 Belasungkawa Doktor Masuri Salikun

7 Sambutan 55 Tahun Asas '50

8 Anugerah Persuratan 2005

9 Asas '50 – UPSI

10 Kempen READ! Singapore

11-12 Kegiatan Sayap Belia Asas '50

12-13 Penerbitan Buku-Buku Asas '50

14 Seminar Inovasi dan Kreativiti

15 Bengkel Kreatif @ Asas '50

16 Sayembara Noktah Putih 2006



Kata Editor

Assalamualaikum Wr Wb,



2005 merupakan tahun yang amat dinamik bagi Asas '50. Pengendalian projek-projek nasional, pelancaran buku-buku bersejarah serta sambutan 55 tahunnya dalam medan kesusasteraan, adalah bukti untuk mengukuhkan sekaligus menaikkan statusnya selaku pejuang utama bahasa dan sastera di Singapura. Kini terbitlah tahun 2006 dan pendekatan yang segar haruslah disuguhkan untuk memastikan perjuangan Asas '50 kekal relevan pada zaman kontemporari ini. Justeru, terciptalah surat berita pertama Asas '50; Berita @ Asas '50.

Berita @ Asas '50 merupakan projek surat berita yang bertujuan untuk merakamkan pencapaian dan penglibatan sepanjang tahun Asas '50. Diterbitkan pada setiap tiga bulan, Berita @ Asas '50 merupakan wadah yang ideal untuk memaklumkan para anggota mahupun peminat bahasa dan sastera mengenai perkembangan-perkembangan terkini dalam dunia persuratan tanah air, malahan di Nusantara. Tambahan lagi, surat berita ini diharapkan dapat merancakkan arena persuratan Melayu dengan menggalakkan penglibatan yang lebih proaktif daripada para anggota mahupun rakan-rakan seperjuangan.

Kedinamikan tahun 2005 boleh disalurkan pada tahun 2006 ini. Asas '50 akan melancarkan buku kumpulan esei Allahyarham Doktor Masuri Salikun dan juga memeteraikan sebuah Memorandum Persefahaman (MOU) bersama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Tambahan lagi, Sayembara Noktah Putih akan buat pertama kalinya dilancarkan di samping beberapa projek peringkat nasional yang telah digariskan oleh pihak jawatankuasa. Oleh itu, ikutilah perkembangannya dengan membaca Berita @ Asas '50.

Selaku ketua editor, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Penasihat Berita @ Asas '50, Cikgu Mohamed Pitchay Gani, atas kepercayaannya terhadap saya untuk memikul tanggungjawab yang murni ini. Saya amat terharu kerana diberikan peluang untuk mengetuai dan memimpin sekumpulan penulis yang amat saya sayangi dan hormati. Harapan saya semoga projek Berita @ Asas '50 ini akan diperjuangkan dan dilestarikan oleh rakan-rakan seangkatan untuk menjadi wadah kepada pencinta bahasa dan sastera dalam meluahkan perasaan dan pemikiran supaya dapat dikongsi bersama. Putiknya Berita @ Asas '50 bervisikan metamorfosis yang progresif untuk pembaca-pembacanya sekaligus, Asas '50. Insya' Allah!

Wassalam

Muhammad Irwan Bin Jamal
Ketua Editor

Mesej Ketua 1



Perubahan

Alhamdulillah, kita bertemu kali ini dalam suasana baru setelah melalui beberapa perubahan.

Sekali air bah sekali pantai berubah. Ketibaan sesuatu zaman atau peredaran waktu memang boleh mengubah pandangan, sikap dan langsung menjejaskan konsep kehidupan sesetengah kita. Ada perubahan ini yang kesannya jelas terdapa pada diri seseorang yang boleh kita temui dalam falsafahnya yang sangat membimbing. Ini juga akan membayangkan beberapa perbezaan apabila sikap individualismenya itu terlalu tegar. Perubahan seperti ini tidak menguntungkan.

Perubahan yang positif bukan saja perlu kreatif tetapi juga perlu terisi dengan atau didorong oleh tujuan yang membina. Dasar niat perlu bertolak dari garis keikhlasan – suatu bentuk perubahan dalaman yang elok diperhatikan.

Dengan kedewasaannya berdasarkan penjang usianya, Angkatan Sasterawan '50 sudah sepatutnya menghadirkan 'perubahan' yang bukan semata-mata membawa 'pembaharuan' tetapi 'perpindahan' pada wajah, konsep dan pelaksanaan yang lebih berkesan. Ini merupakan satu harapan yang terukir sejak beberapa waktu kebelakangan ini. Tenaga baru dan hasrat anggota-anggota muda Asas '50 telah menunjukkan kemampuan dalam beberapa bahagian kegiatan yang sangat berminat untuk melakukan 'perubahan.' Hasrat ini diharapkan akan menjadi kenyataan baik beransur-ansur ataupun segera, yang akan terus mencorakkan wajah dan konsep positif sebuah persatuan Melayu yang tambah dewasa.

Penerbitan ini adalah sebahagian dari langkah awal yang akan membawa perubahan yang dimaksudkan, dan menjadi harapan kita semua. Semoga kejayaannya akan kita kecapai bersama, insya'Allah.

Abdul Ghani Hamid
Ketua Satu
Angkatan Sasterawan '50

Perancangan Kegiatan Asas '50 Bagi Tahun 2006

Kegiatan

Kegiatan	Tempoh
1. Penerbitan Buku Masuri S.N	Januari
2. Penerbitan Surat Berita (Berita @ Asas '50)	Mac
3. Sayembara Noktah Putih	Mac - Sept
4. Majlis Pelancaran Buku Masuri S.N	Apr
5. Penerbitan Buku Antologi Belia	Mei
6. Bengkel Penulisan Cerpen	Mei
7. Bengkel Penulisan Sajak	Mei
8. Kursus Penulisan Andalus	Jun – Sept
9. Penerbitan Berita @ Asas '50 II	Jun
10. Malam Baca Puisi	Julai
11. Penerbitan Berita @ Asas '50 III	Sept
12. Seminar Kreatif @ Asas '50	Sept
13. Pertemuan Belia Asas '50	Sept/Okt
14. Majlis Anugerah Noktah Putih	Nov
15. Majlis Pelancaran Buku Antologi Belia	Nov
16. Retreat	Nov
17. Penerbitan Berita @ Asas '50 IV	Dis

Program Nasional

1. Singapore Literature Prize	Mac – Nov
2. Bulan Bahasa	Julai
3. Seminar Bahasa NIE	Julai
4. Pameran Manuskrip NLB	Nov
5. Ceramah Cendekia	Jan – Dis

Jawatankuasa Asas '50

2006 - 2007

Presiden Seumur Hidup	:	Muhd Ariff Ahmad
Ketua I	:	Abdul Ghani Abdul Hamid
Timbalan Ketua I	:	Mohamed Pitchay Gani Bin Md. Abd. Aziz
Ketua II	:	Mohamed Latiff Mohamed
Setiausaha	:	Abdul Samat Ali
Penolong Setiausaha	:	Fariz Husna Sajani
Bendahari	:	Nurul Aini Ajmain
Anggota	:	Drs Masran Sabran Yazid Hussein Hoirull Amri Bin Tahiran Muhammad Irwan Bin Jamal Muhammad Nur Rahman

Belasungkawa Doktor Masuri Salikun

Mohamed Pitchay Gani Bin Md Abd Aziz

Allahyarham Doktor Masuri Bin Salikun telah pulang ke rahmatullah pada 7 Disember 2005 di rumahnya di Singapura. Beliau merupakan antara anggota pengasas Asas '50 yang teguh berpegang kepada prinsip perjuangan Asas '50 sejak ia ditubuhkan pada tahun 1950. Jawatan terakhirnya ialah selaku Ketua 1 Asas '50 (2001-2005). Antara sumbangan besarnya kepada dunia persuratan Melayu Singapura dalam zaman kontemporari ini ialah:



Majlis Konvokesyen UPSI (2002)

1. Memutikikan idea dan terus menyokong gerakan belia dalam Asas 50,
2. Memutikikan idea sebuah buku direktori penulis Melayu Singapura sejak tahun 1965 iaitu LEKSIKON,
3. Menyokong dasar menasionalisasikan Asas '50 secara lebih agresif dengan mengadakan kerjasama dengan badan-badan utama negara seperti Lembaga Perpustakaan Negara (NLB),
4. Mengalakkan pembaharuan dan perubahan dalam Asas '50.

Dari segi sumbangannya kepada peningkatan status persuratan tanah air pula, Masuri merupakan penulis Melayu pertama Singapura yang diberikan penghormatan bagi menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak. Negara Singapura khususnya masyarakat Melayu dalam pelbagai bidang amat berasa megah akan pencapaian ini sekaligus memberikan semacam suntikan bagi meningkatkan lagi mutu penulisan tempatan dan mendokumentasikan khazanah tempatan. Ini merupakan antara banyak anugerah agung yang pernah diterimanya.

Namun demikian, sumbangan teragungnya ialah memulakan tradisi penulisan puisi moden di Nusantara iaitu Sajak. Dunia penulisan puisi terus berubah setelah saat itu sehingga kini. Persajakan mendapat tempat di dalam hati ramai penulis sehingga bercabangnya sajak kepada pelbagai media dan bentuk yang kita dapati hari ini.

Buku kumpulan sajak terakhirnya yang memuatkan kumpulan sajak ke 1000, berjudul 'Suasana Senja', telah selamat diterbitkan pada tahun 2003. Manakala buku kumpulan esei dan kritiknya yang terakhir pula sedang dalam proses penerbitan dan akan dilancarkan pada 29 April 2006 di Perpustakaan Negara. Buku ini mengisi 32 artikelnnya di akhbar, 11 kertas kerja dan 9 esei sejak tahun 1977 hingga 2005. Buku ini merupakan karya terakhir Masuri yang diamanahkan kepada Asas '50 untuk diterbitkan sebelum beliau meninggal dunia. Buku ini menggambarkan jiwa Masuri S.N yang sebenar dalam lingkungan sastera, bahasa, pendidikan dan kemanusiaan.

Masuri meninggalkan satu khazanah persuratan yang agung bagi manusia menilai diri dan kesekitarannya secara spontan dan penuh keindahan iaitu Sajak. Nama Masuri akan terpahat bersama istilah 'Sajak'. Yang penting ialah Masuri akan tetap hidup dalam sajak-sajaknya yang penuh dengan keprihatinan terhadap kehidupan.

*"...Biarkan detik ini menjadi saksi,
tulisan hatimu terus berkata-kata lagi..."*

(Sajak 'Umur Tujuh Puluh' daripada buku Suasana Senja)

Sambutan 55 Tahun Asas '50

Siti Nur Akashah Mustaffa

Sambutan ulang tahun ke-55 sejak tertubuhnya Angkatan Sasterawan '50 diadakan pada 17 Disember 2005. Bertempat di Holiday Inn Atrium di Outram Road, sambutan yang buat julung-julung kalinya diadakan oleh Asas '50 telah dirasmikan oleh tetamu terhormat Tuan Haji Sidek Sanif, mantan Menteri Negara Kanan Sekitaran yang juga merupakan penaung Asas '50. Selain anggota Asas '50 dan para peserta bengkel Kreatif @ Asas '50, wakil dari badan-badan seperti Jamiyah, Majlis Pusat, Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura (KGMS), Persatuan Guru-Guru Bahasa Melayu (PGBM), Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), Singapore Press Holdings (SPH), Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu (4PM), dan SKGMS turut menghadiri sambutan bersejarah ini.



Para tetamu juga menyaksikan pelancaran dua buah buku terbitan Asas '50 sendiri sempena sambutan ini; *'Dari Gerhana Ke Puncak Purnama'* yang merupakan buku biografi Asas '50 dalam persuratan dan *'Menyongsong Pelangi'* sebuah antologi sajak dan cerpen karya penulis Asas '50. Kedua-dua buku ini dihadiahkan kepada setiap tetamu yang turut diundang ke pameran mini buku-buku terbitan Asas '50.

Atas inisiatif Sayap Belia Asas '50, satu persembahan taridra oleh penuntut Sekolah Menengah West Spring telah dipentaskan. Dipimpin oleh guru mereka, Cikgu

Noor Hasnah Adam, mereka telah mementaskan sajak Allahyarham Masuri Salikun, iaitu *Bunga Sakura*. Selain itu, sambutan yang mendapat liputan daripada pihak media juga memperlihatkan persembahan video dokumentasi Asas '50. Apa yang membuatkan sambutan ini lebih bermakna dan bersejarah lagi ialah dengan adanya pemberian anugerah kepada individu-individu Asas '50 bagi menghargai sumbangan mereka kepada Asas '50.

Anugerah Kencana telah diberikan kepada Muhammad Arif Ahmad dan Allahyarham Dr. Masuri Salikun atas sumbangan mereka selaku pengasas dan anggota Asas '50 selama 55 tahun.

Anugerah Khas diberikan kepada Suratman Markasan kerana telah menjadi pelopor kepada Pertemuan Sasterawan Nusantara (PSN) di Singapura. PSN kini menjadi acara tahunan yang dijalankan secara berganti-ganti di Nusantara.

Anugerah Penghargaan diberikan kepada Mohd Gani Ahmad, A.Samat Ali, Drs. Masran Sabran dan Chan Maw Woh. Mereka dihadiahkan anugerah ini atas sumbangan masing-masing dari segi pentadbiran, pendokumentasian serta melestarikan perjuangan Asas '50.

Anugerah Aktivistik Muda pula diberikan kepada Fariz Husna Sajani kerana telah menyemarakkan aktiviti Asas '50 dengan memulakan tradisi melibatkan golongan muda sebagai anggota profesional dan berwibawa.

Rata-rata, sambutan 55 tahun Asas '50 merupakan satu sambutan yang membawa seribu satu makna, apatah lagi dengan pemergian tulang belakang Asas '50, Doktor Masuri Salikun. Namun demikian, diharapkan perjuangan Asas '50 akan terus berkekalan. Syabas Asas '50!

Anugerah Persuratan 2005

Nurfirdawati Iryani Abdullah

Anugerah Persuratan 2005 yang berlangsung pada 31 Disember 2005 di Dewan Taman Warisan diadakan untuk memberikan penghargaan kepada karya-karya sepanjang tahun penilaian 2003-2004. Selain upacara penyampaian hadiah, majlis ini dirancakkan dengan persembahan tarian tradisional dan deklamasi sajak. Menteri Negara untuk Kementerian Penerangan, Perhubungan dan Kesenian, Dr. Balaji Sadasivan turut hadir untuk menyerikan majlis selaku tetamu terhormat.

Anugerah Persuratan dianjurkan oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura. Bermula sebagai Hadiah Sastera pada tahun 1975, ia kemudiannya ditukarkan kepada Anugerah Persuratan pada 1993. Anugerah ini diadakan setiap selang tahun dan ia merupakan satu usaha untuk memberi pengiktirafan kepada penulis-penulis setempat atas sumbangan mereka kepada dunia persuratan Melayu Singapura.

Bagi tahun 2005, karya-karya yang dinilai telah disesuaikan dan dikemaskini kepada 15 kategori. Terdapat 11 karya yang mendapat anugerah 'Hadiah Sastera' dan 37 pula mendapat 'Hadiah Penghargaan'. Malangnya, tiada pemenang yang dinamakan untuk menerima Anugerah 'Tun Sri Lanang'. Namun begitu, jumlah karya yang mendapat hadiah adalah 48; satu peningkatan daripada tahun-tahun sebelumnya.

Penilaian bagi Anugerah Persuratan 2005 agak berbeza daripada tahun-tahun yang lain. Panel khas dari luar negara telah dilantik daripada Dewan Bahasa dan Pustaka dan juga Akademi Pengajian Melayu; Universiti Malaya. Maka, setiap karya yang dipilih bagi anugerah ini mendapat penilaian dan pandangan yang lebih menyeluruh daripada latar belakang yang beragam dan berwibawa.

Beberapa anggota Asas '50 turut menyerlah dalam Anugerah Persuratan 2005. Mohd Latiff Mohd (gambar kanan) memenangi Hadiah Sastera untuk antologi cerpennya "Nostalgia Yang Hilang" serta Hadiah Penghargaan bagi cerpennya "Mahasiswa." Suratman Markasan pula memenangi Hadiah Sastera bagi antologi sajaknya "Puisi Luka dan Puisi Duka" serta Hadiah Penghargaan bagi cerpennya, "Siapa Yang Gila."



Namun demikian, pemenang terbesar bagi Asas '50 ialah Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz (gambar kiri), yang merangkul dua Hadiah Sastera, bagi "Pertemuan Sasterawan Nusantara XII: Sastera Melayu Warisan Jati Diri Dan Jagat" (Buku Suntingan) dan "Keterampilan Bahasa Melayu Merentasi Zaman Dan Disiplin" (Esei Bahasa) serta Hadiah Penghargaan bagi "Polemik Pragmatik Bahasa Melayu Singapura Antara Dinamik Dan Cemar" (Esei Bahasa).

Kemenangan besar Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz ini menandakan semacam anjakan paradigma dalam dunia persuratan Melayu Singapura yang menuju ke arah karya-karya yang berteraskan akademia, kritikan dan keintelektualan. Harapan untuk menggemilangkan citra persuratan Melayu Singapura kini semakin bersinar.

Asas '50 – Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Muhammad Irwan Jamal dan Muhammad Dzul Azhan Sahban



Satu pertemuan antara Asas '50, Alumni UPSI serta Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) telah berlangsung di Hyatt Hotel Singapura pada 10 November 2005. Demi menebarkan jaringan rangkaian pertubuhan-pertubuhan sepejuangan Asas '50, Ketua 2 telah menyampaikan kertas cadangan untuk mengadakan Memorandum Persefahaman (MOU) di antara Asas '50 dan UPSI.

UPSI merupakan institusi yang ideal, berwibawa serta penuh dengan sejarah. Justeru, gandingan ini berpotensi untuk mencipta dan membuka pelbagai ruang dan peluang untuk merancakkan lagi arena kesusasteraan Melayu. Ia akan mengukuhkan lagi teras perjuangan bahasa dan sastera bagi kedua-kedua badan ini.

Tambahan lagi, sesi pertemuan itu juga memperlihatkan penyampaian surat rasmi sokongan yang mencadangkan penganugerahan Ijazah Kehormat Kedoktoran Pendidikan bagi Pendeta Muhd Ariff Ahmad yang juga merupakan seorang daripada alumni UPSI. Ini merupakan penganugerahan yang kedua akan diberikan oleh institusi itu setelah ia diberikan kepada Allahyarham Dr Masuri Salikun pada tahun 2002.



Prof Abdullah Hassan memberikan taklimat



Lawatan mahasiswa UPSI ke Singapura

Surat ini dilakarkan dengan bantuan Asas '50 dan disampaikan oleh Pengerusi Alumni UPSI Chapter Singapura, Tuan Haji Sidek Saniff, yang juga merupakan Penaung Asas '50. Naib Canselor UPSI amat berbesar hati dengan cadangan Asas '50 untuk mengadakan MOU itu. Justeru, satu lagi pertemuan telah diadakan dengan Sekretariat Asas '50 dan UPSI pada bulan Februari 2006, untuk melakarkan dan memperhalusi butir-butir Memorandum Persefahaman tersebut. Pemeteraian MOU Asas '50 – UPSI diramalkan ditandatangani pada bulan April 2006.

Pertalian sillaturrahim di antara Asas '50 dengan UPSI semakin diertatkan dengan adanya lawatan para mahasiswa UPSI ke Singapura pada 13 Disember 2005. Drs Masran Sabran merupakan anggota Asas '50 yang telah giat membantu memudahkan kehadiran mahasiswa-mahasiswa tersebut di Singapura. Mahasiswa-mahasiswa tersebut turut menghadiri Sambutan 55 Tahun Asas '50 pada 31 Disember 2005. Prospek kerjasama dan pertukaran idea, ilmu serta kepakaran akan lebih dikukuhkan dan direalisasikan dengan wujudnya MOU Asas '50 dan UPSI ini.

Kempen READ! Singapore

Muhammad Firdaus Amir

“ Reading is like food to the soul. It should be lifelong. Read! Singapore should be more than a campaign. It should be a lifestyle.”

Dr Masuri Bin Salikun

Kempen yang bermula pada 28 Mei 2005 dan berterusan selama 10 minggu ini berjaya dalam menganjurkan beberapa kegiatan serta program yang melibatkan sekitar 13, 000 peserta daripada pelbagai latar belakang untuk bersatu dan memupuk semangat membaca. Kempen ini bertujuan untuk menyebarkan sumber-sumber bacaan yang terdapat dalam pelbagai bahasa. Penulis-penulis terlibat dijemput oleh pihak Lembaga Perpustakaan Negara (NLB) untuk memberikan ceramah mengenai buku-buku mereka dengan tujuan untuk mencetuskan minat para hadirin untuk membaca hasil karya mereka. Asas '50 turut bekerja rapat dengan NLB untuk menjayakan lagi menyuburkan senario amalan membaca di negara ini.

NLB memilih karya-karya Puan Khadijah Hashim (*Badai Semalam*), Encik Mohd Latiff Mohd (*Batas Langit*) dan Encik Isa Kamari (*Satu Bumi*) untuk kempen READ! Singapore 2005 ini. Novel-novel berikut mempunyai keunikan dan daya tarikan mereka yang tersendiri. Pada masa yang sama, sebuah pementasan ala fusion turut dipamerkan oleh anggota sayap belia Asas '50.



Prof Tommy Koh selaku Duta Kempen READ! Singapore

Kempen ini juga bertujuan untuk mengemukakan para penulis tempatan seperti Encik Mohd Latiff Mohd, Colin Cheong, Xi Ni Er, Han Han serta Govindasamy Naa. Pada masa yang sama, kempen sayapnya hingga ke peringkat sekolah. Di antara sekolah-sekolah yang telah menyertai kempen ini ialah; Sekolah Menengah Bowen, Sekolah Menengah Serangoon, Nan Chiau High, Sekolah Menengah Montfort, Maria Stella High serta Sekolah Menengah Punggol. Sesi forum serta ceramah turut diadakan bagi mereka yang senja usianya. Justeru, baik yang muda mahupun yang tua telah dilibatkan dalam kempen ini. Pendekatan ini diharapkan dapat mengurangkan jurang generasi serta menggalakkan pertukaran idea dan pendapat di antara yang muda dan yang senja umurnya.



Belia Asas '50 di Majlis Penutup READ! Singapore

Oleh itu, kempen “Read Singapore” ini telah berjaya dalam misinya untuk memupuk semangat membaca di kalangan masyarakat. Sepanjang kempen ini, pelbagai pameran serta kegiatan interaktif telah diadakan hasil kerjasama pertubuhan-pertubuhan seperti Asas '50 dengan NLB. Persefahaman sebegini merupakan tulang belakang serta nadi penggerak kepada kejayaan kempen ini. Maka tanpa perpaduan ini, READ! Singapore tidak mungkin mengecapi misi dan visinya. Tambahan lagi, Asas '50 dan NLB dapat memperkukuhkan lagi hubungan serta menegakkan perjuangan masing-masing melalui kempen ini.

Sayap Belia Angkatan Sasterawan '50

Fariz Husna Sajani

Titik permulaan. Satu pengembaraan. Inisiatif kontemporari Asas '50 ini diibaratkan bayi yang mula berkata *alif, ba, ta*. Dirumuskan sebagai usaha gigih para aktivis belia yang berkecimpung dalam bidang bahasa, agama, budaya dan sastera untuk menyambung usaha para pelopor dan tokoh-tokoh terkemuka Asas '50.

Aktivis belia telah berkumpul di perpustakaan Geylang East pada 9 Oktober 2004. Mereka tergolong daripada pucuk pimpinan Persatuan Bahasa & Budaya Melayu di merata institusi pengajian tinggi seperti maktab rendah, politeknik, madrasah, universiti dan juga madrasah. Belia masjid juga turut sama dalam himpunan tersebut.



Pantomim Belia Asas '50

Tujuan utama perhimpunan tersebut ialah untuk mewujudkan rangkaian. Rangkaian tersebut diharapkan dapat memudahkan perhubungan dan saling bertukar maklumat berkenaan aktiviti persuratan, acara budaya, seminar dan bengkel yang memanfaatkan belia secara umum.

Sejak perhimpunan tersebut, sayap belia Asas '50 telah bergiat aktif menjalinkan hubungan rasmi di kalangan institusi dan badan-badan Melayu. Ia juga memainkan peranan dalam usaha untuk merapatkan jurang di kalangan aktivis belia, penggiat dan peminat seni. Mereka bertemu dan membicarakan trend belia terkini yang menjadi tarikan atau tumpuan kepada dunia bahasa, seni, budaya, sastera dan persuratan khususnya.

Acara yang lazim mengumpulkan belia tersebut seperti berikut :

Anugerah Persuratan
READ! Singapore
Gema Puisi Artistik
Pesta Pantun
Perkampungan Bahasa

Anjuran Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS)
Anjuran Lembaga Perpustakaan Nasional (NLB)
Anjuran Maktab Rendah Nanyang (NYJC)
Anjuran Universiti Kebangsaan Singapura (PBMUKS)
Anjuran Universiti Kebangsaan Singapura (PBMUKS)

Justeru, mereka telah bersepakat untuk melestarikan nilai, budi dan tatasusila serta merealisasikan corak seni baru mengikut nafas selera belia masa kini. Ramai di kalangan Sayap Belia Asas '50 minat menceburi seni pementasan dan pertunjukan budaya. Aktiviti seni tahunan anjuran NYJC yakni Gema Puisi Artistik telah mengumpulkan dan menampilkan ramai belia yang berbakat dalam penulisan, deklamasai sajak, pementasan dan nyanyian. Antara institusi yang bekerjasama dengan Asas '50 ialah :

Sekolah Menengah West Spring
Politeknik Singapura
Maktab Rendah Tampines
Maktab Rendah Nasional
Maktab Rendah Victoria
Institut Millenia
Institut Pendidikan Nasional (NIE) - Kampus Townsville



Belia Asas '50 di Majlis Pelancaran Leksikon

Sayap belia Asas '50 juga banyak membantu belia institut pengajian tinggi dalam pementasan, membuahkan nasihat dan idea bernas, melatih mereka dalam aspek penulisan karya serta memberikan panduan, tenaga dengan sukarela terutamanya institusi-institusi berikut:

Persatuan Bahasa Melayu Universiti Kebangsaan Singapura (PBMUKS)
 Persatuan Bahasa & Budaya Melayu Universiti Pengurusan Singapura (SMULCC)
 Inter-Tertiary Council (ITC)
 Institut Pendidikan Teknikal - Timur (ITE-East)

Persatuan Budaya Melayu Politeknik Republik (PBMRP)
 Persatuan Bahasa & Budaya Melayu Maktab Rendah Nanyang (PERBAYU)
 Persatuan Bahasa & Budaya Melayu NTU-NIE (PERBAYU)
 Persatuan Bahasa & Budaya Melayu Politeknik Singapura (PBMPS)
 Maktab Rendah Tampines (TPJC)
 Madrasah Wak Tanjong Al-Islamiah (MWTI)

Setentunya sayap belia ini tidak dibiarkan terbang begitu sahaja. Setiap kapal pasti ada nakhodanya. Nakhoda sayap belia Asas '50 ialah saudara Fariz Husna Bin Sajani. Anak muda ini merupakan seorang guru pelatih dan aktivis muda. Bermula sebagai seorang jawatankuasa dalam Asas '50. Dia terus menerajui sayap belia dengan melakarkan rancangan dan kegiatan serta memantapkan hubungan di kalangan institut pengajian tinggi. Rakan-rakan seperjuangan yang turut bersamanya ialah saudara Muhammad Nur Rahman, Hoirull Amri Bin Tahiran dan Muhammad Irwan Bin Jamal.


Penerbitan Buku-Buku Asas '50

Mohd Ali Mohd Iqbal dan Arni Johan

Dunia persuratan Singapura kini menuju ke arah pendokumentasian memandangkan Lembaga Perpustakaan Negara (NLB) bertekad untuk menjadi sebuah pusat bagi khazanah buku-buku Melayu di Nusantara. Asas '50 telah berjaya memperkayakan khazanah pendokumentasian Melayu. Buku-buku yang diterbitkan oleh Asas' 50 pada tahun 2005 merupakan *Petikan Rasa*, *Leksikon*, *Menyongsong Pelangi* dan *Dari Gerhana ke Puncak Purnama*.



Petikan Rasa

Buku *Petikan Rasa* adalah sebuah kumpulan sajak dan lukisan karya penyair A. Ghani Hamid. Ini merupakan pertama kalinya Asas '50 berjaya menerbitkan sebuah buku dwibahasa hasil Projek Anugerah 'Medalion Kebudayaan' yang dianugerahkan kepada penulis-pelukis prolific ini pada tahun 1999. Pelancaran buku ini telah diadakan pada 21 Mei 2005 dan diserikan lagi oleh Menteri Kesihatan dan EHWAL Islam Singapura; Prof. Madya Dr Yaacob Ibrahim.



Leksikon: Direktori Penulis Melayu Singapura Pasca 1965

Hasrat Asas '50 untuk merakamkan hayat, karya, sumbangan serta pencapaian para penulis Melayu Singapura dalam satu bentuk pendokumentasian yang sah dan berkekalan telah berjaya diterbitkan. Pelancaran "Leksikon" yang diusahakan dengan kerjasama pihak Lembaga Perpustakaan Negara (NLB) telah berjaya direalisasikan pada 23 Julai 2005. Para penulis yang telah dikemukakan merupakan penulis-penulis prolific tanahair yang masih lagi bergiat dengan aktif dalam dunia penulisan di kota Singapura sejak tahun 1965. Namun demikian semangat yang kental untuk terus berkembang dan memajukan lagi sayap kesusasteraan Melayu khususnya di Singapura telah berjaya dimantapkan lagi kedudukannya sehinggalah kini.



Menyongsong Pelangi

Menyongsong Pelangi diterbitkan sempena sambutan 55 tahun Asas '50. Karya-karya sastera yang dikumpulkan dalam antologi ini merupakan daya ilham para penulis Asas '50 yang mapan dan baru, merentasi zaman dan ideologi memandangkan latar belakang, pendidikan, usia dan aspirasi masing-masing yang begitu beragam. Judul buku ini dipetik daripada sebuah sajak (terkandung); penulisan Mohamed Latiff Mohamed yang berjaya merakamkan sejarah perkembangan dan perjuangan Asas '50 hingga hari ini. Sebanyak 15 kuntum puisi dan 9 kuntum cerpen yang menengahkan isu-isu yang berligar di sekitar konteks hari ini tidak sahaja khas dimuatkan bagi selera pembaca tetapi mampu melestarikan slogan Asas' 50 iaitu Seni untuk Masyarakat.

Dari Gerhana ke Puncak Purnama

Buku pendokumentasian yang cukup simbolik dalam sejarah Asas '50 selama 55 tahun, ia adalah sebuah biografi yang diwarnai dengan sejarah, perkembangan serta penglibatan Asas '50 dalam dunia persuratan di Nusantara. Bahan-bahan yang terkandung dalam buku ini merupakan sebuah khazanah berharga yang ditukil daripada kajian teks, wawancara bersama tokoh-tokoh mapan Asas '50, petikan akhbar sejak tahun 1965, minit-minit mesyuarat Agung Asas '50, dokumen-dokumen peribadi simpanan Muhd Ariff Ahmad (pengasas Asas '50) serta pengalaman para anggota jawatankuasa Asas '50 yang masih aktif memperjuangkan bahasa dan sastera Melayu Singapura.



Trend penerbitan proaktif Asas '50 ini telah berjaya membuahkan karya-karya yang amat memberangsangkan. Tambahan lagi, ia telah membukakan lebih banyak lagi ruang bagi Asas '50 untuk memperjuangkan lagi dan mengerakkan terus jentera Kesusasteraan Melayu Singapura ke arah kemajuan, dengan harapan serta tujuan yang dapat mendatangkan pelbagai manfaat bagi bangsa dan negara. Sesungguhnya seperti mana kekata yang dipegang oleh Allahyarham Dr Masuri Salikun; "Seni Membina Manusia." Mudah-mudahan Asas 50 akan terus melestarikan wawasan ini. Dirgahayu Angkatan Sasterawan 50!

Seminar Inovasi dan Kreativiti: Pengajaran Bahasa Melalui Bahan Sastera

Nur' Lelah Asfee

Seminar Pengajaran Bahasa Melalui Bahan Sastera (PBMBS) telah diadakan pada 17 September 2005, di bangunan Lembaga Perpustakaan Negara (NLB), Victoria Street. Kira-kira 150 peserta yang terdiri daripada penulis, guru dan peminat bahasa dan sastera hadir dalam seminar tersebut. Seminar satu hari itu membincangkan lapan makalah. Pemakalah-pemakalah terdiri daripada Dr. Noriah Muhammad dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Abbas Shariff, Dr. Mana Sikana dan Aidil Subhan dari Universiti Teknologi Nanyang (NTU), Sdr Mohd Pitchay Gani dan Sdr Ali Hanifah dari Institut Pendidikan Nasional (NIE) Kampus Townsville dan Sdr A Malik Ahmad dari Maktab Rendah Tampines (TPJC).

Lapan pemakalah telah membentangkan kertas kerja mereka dan kumpulan itu terdiri daripada pensyarah-pensyarah dari negara Malaysia dan Singapura. Di antaranya adalah Prof. Madya Dr Noriah Mohammed, pensyarah dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau membentangkan kertas kerja mengenai bahasa dan sastera Melayu melalui penggunaan teknologi serba interaktif lagi canggih. Beliau juga menyediakan cakera padat yang mengandungi sejarah Nusantara dalam bentuk animasi.



Dari kiri – Sdr Aidil Subhan, Sdr Mohd Pitchay Gani dan Sdr Juffri Supa'at

Cikgu Aidil Subhan pula membentangkan kertas kerja beliau dengan menggunakan cara yang amat berbeza. Setiap peserta diberikan sehelai kertas untuk merealisasikan mesej yang terkandung dalam aktiviti beliau. Guru-guru diajar teknik-teknik untuk menceriakan dan menyemarakkan lagi suasana bilik darjah, memandangkan murid-murid zaman sekarang lebih praktikal dan gemar dengan bahan-bahan berbentuk animasi dan berunsur interaktif.

Para peserta seminar telah diberikan senaskah jurnal 'Aktivis' terbitan NIE Kampus Townsville yang mengandungi kertas kerja seminar, pad nota, pena dan fail. Seminar tersebut merupakan antara projek Kreatif @ Asas '50, 2005 yang mendapat tajaan dari Yayasan Lee (Lee Foundation), Majlis Seni Kebangsaan (NAC), Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) dan Singapore Press Holdings (SPH). Seminar PBMBS juga mendapat kerjasama daripada Lembaga Perpustakaan Singapura (NLB).

Sambutan bagi seminar ini amat memberangsangkan dan rancangan untuk melakarkan seminar yang serupa adalah satu langkah yang proaktif dan sewajarnya untuk memastikan mutu dan kerelevanan guru dan bahasa Melayu di bandar kosmopolitan ini.

Bengkel Kreatif @ Asas '50

Mahirah Mohd Thoimi

Selaras dengan wawasan Sayap Belia Asas '50 untuk meniupkan nafas baru dan menghidupkan lagi arena kesusasteraan Melayu di Singapura, projek Kreatif @ Asas '50 telah diadakan. Projek tersebut telah dibahagikan kepada dua kategori; cerpen dan puisi. Kedua-dua bengkel yang dianjurkan Asas '50 dengan kerjasama Lembaga Perpustakaan Negara (NLB) telah dijalankan di Perpustakaan Masyarakat Bedok.




Cikgu A. Samat Ali memimpin sesi cerpen

Para peserta bagi kedua-dua bengkel terdiri daripada para pelajar dari Madrasah Wak Tanjong, Maktab Rendah Tampines dan Institut Pendidikan Nasional (NIE) Kampus Townsville. Bengkel cerpen telah diadakan pada tanggal 27 Ogos 2005, selama dua sesi. Bengkel tersebut telah dibimbing tokoh-tokoh yang sememangnya sudah mapan dalam bidang penulisan. Antara tokoh-tokoh yang hadir untuk mengongsi ilmu mereka pada sesi itu ialah Allahyarham Masuri SN, A.Samat Ali dan Mohd Latiff Mohd.

Para peserta telah diberi pendedahan mengenai istilah-istilah gaya bahasa yang terdapat dalam sastera. Cikgu Masuri telah menggunakan salah satu contoh cerpen yang baik bagi menerangkan keistimewaan yang ada di dalam cerpen tersebut dan mengapa ia dianggap sebuah karya yang baik. Sememangnya bengkel ini akan menjadi sesuatu yang membosankan jika ia hanya melibatkan perbualan para pensyarah sahaja. Lantas, para peserta diberi peluang untuk melakukan aktiviti-aktiviti seperti mengisikan perkataan yang sesuai untuk melengkapkan teks sebahagian daripada sebuah cerpen dan juga mengarang permulaan dan penutup bagi sebuah cerpen yang berpandukan tema yang telah diberi kepada mereka.

Pada akhir sesi ini, para peserta dikehendaki mengarang sebuah cerpen untuk disumbangkan kepada Asas '50. Bengkel lanjutan telah diadakan di NIE Kampus Townsville untuk membincangkan hasil karya para peserta bengkel.

Para peserta bengkel cerpen telah berkumpul sekali lagi di Perpustakaan Masyarakat Bedok untuk menghadiri bengkel puisi pada 19 November 2005. Bengkel tersebut telah dipimpin oleh Mohd Latiff Mohd (gambar kanan), seorang penulis mapan dalam bidang ini. Topik pantun juga telah diselitkan. Cikgu Latiff juga telah mengongsi kaedah yang sesuai untuk menghasilkan karya sajak yang bermutu. Bengkel sajak ini tidak akan lengkap jika para peserta tidak mencuba untuk menggubal sajaknya sendiri. Karya sajak spontan para peserta telahpun dihantar kepada Cikgu Latiff untuk dinilai.



Saya berpendapat bengkel yang telah dianjurkan Asas '50 ini adalah suatu inisiatif yang harus dipuji. Ia telah meluaskan ilmu pengetahuan peserta-peserta mengenai bidang penulisan dan sebaik-baiknya diadakan setiap tahun agar dapat mengasah bakat menulis karya yang baik di kalangan para belia.

Sayembara Noktah Putih 2006

Hoirull Amri Tahiran

Buat julung-julung kalinya di bawah pimpinan Ketua Satu, Abdul Ghani Hamid, Asas '50 bakal menganjurkan sayembara bagi menghidupkan semula suasana penulisan kreatif dan menyedarkan keperipentingannya nilai estetika sastera di kalangan masyarakat Melayu Singapura.

'Noktah Putih' dipilih sebagai konsep sayembara ini. Bersesuaian dengan jati diri seorang penulis, karya-karya yang dihasilkannya tidak berhenti setelah mencapai kejayaan. Menulis sudah menjadi darah daging dalam kehidupannya. Begitu juga dengan penulis-penulis baru. Kegagalan tidak harus membantutkan iltizamnya untuk menulis. Bak pepatah, 'mata pena lebih tajam daripada pedang', insan yang bernama penulis dapat menggerakkan hati masyarakat marhaen melalui karya-karyanya. Inilah falsafah di sebalik makna 'Noktah Putih'. Noktah seorang penulis tidak wujud selagi hayatnya dikandung badan.



Belia Asas '50 giat menyediakan borang peraduan

Sayembara ini diharap dapat menerampikan lebih ramai penulis muda di Singapura, terutama sekali di kalangan pelajar. Bersesuaian dengan dasar Kementerian Pendidikan (MOE) yang kini menekankan sastera dalam pembelajaran Bahasa Melayu, sayembara ini boleh menjadi batu loncatan bagi mereka. Malah, kelayakan peserta dibahagi kepada dua kategori, yakni Kategori Remaja – peserta berumur 21 tahun ke bawah dan Kategori Terbuka – peserta berumur 21 tahun ke atas. Pada masa yang sama, melalui peraduan ini, penulis-penulis yang mapan dapat mengasah daya kreativiti dalam penulisan mereka dan mengetahui sejauh manakah tahap kesempurnaan dan kerelevanan karya mereka.

Berkat kerjasama Lembaga Perpustakaan Negara (NLB) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), ASAS '50 bertujuan mencapai matlamat-matlamat berikut:

- untuk menggalak seni tulisan kreatif
- untuk mencapai taraf penulisan yang lebih tinggi
- untuk mewujudkan sekitaran yang merangsangkan imaginasi kreatif dan mempertingkatkan kesusasteraan di Singapura

Peraduan ini diharapkan dapat mencetus dan memangkinkan lagi aktiviti-aktiviti lain pada masa hadapan. Melalui sastera, ia dapat menjana pemikiran kritikal dan kreatif para pelajar Melayu Singapura dan secara bertahap, melahirkan bakal intelek yang dapat berbakti demi keterampilan bangsa dan negara.

Sila kirimkan maklum balas anda kepada alamat:

Angkatan Sasterawan '50, BLK 651, Yishun Avenue 4, #02 – 503, Singapura 760651
atau

kirimkan emel anda kepada alamat orbic@pacific.net.sg.

Tempahan buku-buku Asas '50 juga boleh dibuat melalui kedua-dua alamat tersebut.